



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

JABATAN PENGAJIAN TINGGI  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

***RESEARCH ACCULTURATION  
COLLABORATION EFFORT  
(RACE)***

BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN  
IPT JABATAN PENGAJIAN TINGGI  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI  
ARAS 7, NO.2, MENARA 2  
JALAN P5/6, PRESINT 5  
62000 PUTRAJAYA.

## **SENARAI KANDUNGAN**

<b>Tujuan</b>	3
<b>Objektif</b>	3
<b>Mekanism Pengurusan Dana RACE</b>	3
Penilaian	
Agihan Peruntukan	
Pemantauan Projek	
<b>Bidang Penyelidikan</b>	4
<b>Syarat Permohonan</b>	5
<b>Struktur Jawatankuasa RACE</b>	5
<b>Tempoh Penyelidikan</b>	6
<b>Siling Peruntukan</b>	6
<b>Hasil Penyelidikan</b>	7

## **1.0 TUJUAN**

Dana RACE merupakan inisiatif baru Kementerian untuk membantu bukan Universiti Penyelidikan (*Non-RU*) meningkatkan budaya penyelidikan dan seterusnya dapat meningkatkan *output* hasil penyelidikan. Usaha ini dapat mempercepatkan *Non-RU* untuk mencapai tahap setanding dengan RU yang lain.

## **2.0 OBJEKTIF**

- 2.1 Menghasilkan inovasi berimpak besar untuk pembangunan, kemajuan dan transformasi Negara.
- 2.2 Mentransformasi *non-RU* ke arah budaya penyelidikan menerusi usaha kerjasama RU bagi membantu mempercepatkan penghasilan juara penyelidikan (*research champion*).
- 2.3 Mewujudkan rangkaian kerjasama antara semua IPTA melalui program/projek penyelidikan usahasama dan perkongsian fasiliti penyelidikan.

## **3.0 MEKANISMA PENGURUSAN DANA RACE**

### **3.1 PENILAIAN**

- 3.1.1 Penilaian dan kelulusan sesuatu program penyelidikan akan mengikut prosedur dan terma rujukan RACE;
- 3.1.2 Projek penyelidikan akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik di kalangan Universiti Penyelidikan (RU).

### **3.2 AGIHAN PERUNTUKAN**

- 3.2.1 Peruntukan yang disalurkan oleh KPT sebanyak RM5 juta perlulah dibelanjakan sepenuhnya bagi tujuan penyelidikan. Manakala bagi perbelanjaan melibatkan latihan dan penggunaan makmal, ianya menggunakan peruntukan Universiti Penyelidikan sebanyak RM1 juta dari setiap RU di mana peruntukan ini termasuk *in-kinds*.

- 3.2.2 Pelaksanaan dan pengurusan program RACE ini dilaksanakan berdasarkan model *Knowledge Transfer Programme* (KTP) di mana pengurusan dan pelaksanaan program akan diuruskan oleh pihak sekretariat RACE.
- 3.2.3 Pihak sekretariat RACE akan memanjangkan keputusan penilaian permohonan yang telah dibuat kepada pihak KPT bagi tujuan penyaluran peruntukan kepada IPT yang terlibat secara terus.
- 3.2.4 Dana geran padanan (*matching grant*) dari RU dikendalikan oleh RU masing-masing dan dilaporkan kepada sekretariat RACE.

### **3.3 PEMANTAUAN PROJEK**

- 3.3.1 Jawatankuasa RACE akan memantau setiap program/projek untuk memastikan matlamat tercapai.
- 3.3.2 Pemantauan projek penyelidikan akan dilakukan oleh Jawatankuasa RACE setiap enam (6) bulan.

## **4.0 BIDANG PENYELIDIKAN**

Bidang penyelidikan meliputi bidang-bidang asas seperti berikut:-

- i. Sains Tulen
- ii. Sains Gunaan
- iii. Sains Kesihatan dan Klinikal
- iv. Teknologi dan Kejuruteraan
- v. Sains Sosial
- vi. Sastera dan Sastera Ikhtisas
- vii. Sains Tabii dan Warisan Negara

## **5.0 SYARAT PERMOHONAN**


Dana ini terbuka kepada kakitangan akademik (pensyarah) di **Institusi Pengajian Tinggi Awam bukan Universiti Penyelidikan (RU)** dengan syarat-syarat berikut:-

- 5.1 Warganegara Malaysia;
- 5.2 Kakitangan akademik tetap (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah); atau

- 5.3 Kakitangan bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai penyelidik bersama bertaraf tetap.
- 5.4 Hanya satu (1) projek penyelidikan dibenarkan untuk dipohon dan diperaku.
- 5.5 Projek penyelidikan yang menepati garis panduan RACE perlu dikemukakan kepada sekretariat RACE melalui RMC IPT masing-masing.

## **6.0 STRUKTUR JAWATANKUASA RACE**

Struktur Jawatankuasa RACE terdiri daripada Pengerusi, Ahli Jawatankuasa dan Sekretariat. Pengurusan Jawatankuasa RACE adalah seperti berikut:



Rajah 1 : Struktur Jawatankuasa RACE

## **7.0 TEMPOH PENYELIDIKAN**

Tempoh penyelidikan adalah satu (1) hingga tiga (3) tahun sahaja.

## **8.0 SILING PERUNTUKAN**

Siling peruntukan bagi menjalankan projek penyelidikan di bawah dana ini adalah tidak melebihi RM50,000.00.

## **9.0 HASIL PENYELIDIKAN**

Sasaran hasil penyelidikan bagi penyelidikan ini terbahagi kepada dua (2) mekanisme iaitu geran penyelidikan dan latihan. Berikut adalah hasil penyelidikan yang perlu dicapai:-

### **9.1 KPI Geran Penyelidikan**

- i. 80 kertas cadangan penyelidikan.
- ii. 80 penyelidik utama.
- iii. 80 penerbitan CIJ.
- iv. Penghasilan 150 – 160 graduan.
- v. *15 established collaborative linkages.*

### **9.2 Latihan dengan peruntukan sebanyak RM1 juta daripada RU.**

- i. 2000 peserta merangkumi *short-term training & attachment.*
- ii. Melibatkan 40 peserta/bengkel atau 50 bengkel.

**Sebarang pertanyaan/maklumat tambahan boleh diajukan kepada:**



**URUS SETIA RACE  
BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT  
JABATAN PENGAJIAN TINGGI KEMENTERIAN  
PENGAJIAN TINGGI  
ARAS 7, NO.2, MENARA 2  
JALAN P5/6, PRESINT 5  
62000 PUTRAJAYA.  
NO. TEL: 03-8870 6971 / 6974  
NO. FAKS: 03-8870 6867**